



**Lembaga Minyak Sawit Malaysia
MALAYSIAN PALM OIL BOARD (MPOB)**

CADANGAN TAMBAHAN KRITERIA LESEN:

- i) KATEGORI KILANG BUAH KELAPA SAWIT (MF)**
- ii) KATEGORI ESTET (ET); DAN**
- iii) KATEGORI KEBUN KECIL (SH)**

Peruntukan Undang-Undang

Kuasa untuk menetapkan kriteria lesen adalah di bawah subperaturan 8(2) Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005, seperti berikut:

"Pemohon hendaklah memberikan apa-apa maklumat dan dokumen untuk menyokong permohonan beserta dengan borang permohonan."

KATEGORI MF, ET DAN SH

- 1) "Pemegang lesen diberi tempoh enam (6) bulan dari tarikh lesen diluluskan untuk mempunyai pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) daripada mana-mana badan pensijilan yang ditauliahkan oleh Standards Malaysia."

dan

- 2) "Kegagalan untuk mendapatkan pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) daripada mana-mana badan pensijilan yang ditauliahkan oleh Standards Malaysia, membolehkan Lembaga tanpa terikat dengan mana-mana undang-undang membatalkan lesen tersebut."

CADANGAN TAMBAHAN SYARAT LESEN:

- i) **KATEGORI KILANG BUAH KELAPA SAWIT (MF)**
- ii) **KATEGORI ESTET (ET); DAN**
- iii) **KATEGORI KEBUN KECIL (SH)**

Peruntukan Undang-Undang

Kuasa untuk membuat penambahan syarat lesen adalah di bawah subperaturan 10(7) Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005, seperti berikut:

"Lembaga boleh, pada bila-bila masa mengubah, menambah, memotong atau selainnya meminda syarat-syarat yang dikenakan pada lesen."

KATEGORI KILANG BUAH KELAPA SAWIT

- 1) "Pemegang lesen hendaklah pada setiap masa mematuhi kehendak dan keperluan yang terkandung dalam piawaian Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) di bawah Malaysian Standard MS 2530-4 terkini atau mana-mana standard yang ditentukan oleh Lembaga dan mendapat pengesahan dan perakuan daripada mana-mana badan pensijilan yang ditauliahkan oleh Standards Malaysia."

dan

- 2) "Pemegang lesen dikehendaki mempunyai pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) daripada mana-mana badan pensijilan yang ditauliahkan oleh Standards Malaysia."

KATEGORI ESTET

- 1) "Pemegang lesen hendaklah pada setiap masa mematuhi kehendak dan keperluan yang terkandung dalam piawaian Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) di bawah Malaysian Standard MS 2530-3 terkini atau mana-mana standard yang ditentukan oleh Lembaga dan mendapat pengesahan dan perakuan daripada mana-mana badan pensijilan yang ditauliahkan oleh Standards Malaysia."

dan

- 2) "Pemegang lesen dikehendaki mempunyai pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) daripada mana-mana badan pensijilan yang ditauliahkan oleh Standards Malaysia."

KATEGORI KEBUN KECIL

- 1) "Pemegang lesen hendaklah pada setiap masa mematuhi kehendak dan keperluan yang terkandung dalam piawaian Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) di bawah Malaysian Standard MS 2530-2 terkini atau mana-mana standard yang ditentukan oleh Lembaga dan mendapat pengesahan dan perakuan daripada mana-mana badan pensijilan yang ditauliahkan oleh Standards Malaysia."

dan

- 2) "Pemegang lesen dikehendaki mempunyai pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) daripada mana-mana badan pensijilan yang ditauliahkan oleh Standards Malaysia."